

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN

YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pendaftaran pengundi secara automatik akan dilaksanakan sejajar dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan **pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002** dan undang-undang lain yang berkaitan, **penyediaan *standard operating procedures* (SOP)** dan **penyediaan**

sistem dan infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

Sehubungan itu, SPR telah mengadakan **beberapa sesi libat urus** bersama beberapa jabatan/agensi Kerajaan seperti berikut:

- (i) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (iv) Jabatan Penjara Malaysia;
- (v) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah;
- (vi) Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (vii) Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (viii) Polis DiRaja Malaysia.

Selain itu, SPR juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan seperti berikut:

- (i) Sesi Libat Urus Bersama Parti-Parti Politik Dari Blok Kerajaan Dan Blok Pembangkang (Bipartisan) Berhubung Pelaksanaan Umur Pengundi dan Calon 18 Tahun serta Pendaftaran Pemilih Secara Automatik pada 3 Oktober 2019;
- (ii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sarawak pada 26 November 2019; dan

- (iii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sabah pada 3 Disember 2019.

Melalui penganjuran sesi-sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.

Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui **Jawatankuasa *Taskforce* SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019** yang lalu. Tarikh pelaksanaan tersebut dijangka selewat-lewatnya adalah pada bulan **Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.